

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**SEPTEMBER/OKTOBER 2000**

**RMT 554 – PENGURUSAN PROJEK III**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. a) Anda telah dilantik sebagai seorang Pengurus Projek untuk projek tersebut.

- “Cadangan Menaik Taraf, Mengubahsuai dan Renovasi Sebuah Kompleks Terminal Keretapi, Stesen Bas dan Pusat Membeli Belah sediaada.
- Tempat : Butterworth, Perai.
- Anggaran Kos Projek : RM 75 juta
- Tempoh Siap : 24 bulan

Jelaskan penglibatan anda di dalam konteks proses pembangunan keseluruhan untuk projek tersebut serta catatkan tahap-tahap utama dan kritikal yang boleh memberi kesan terhadap pelaksanaan projek ini. Nyatakan dengan jelas kelebihan-kelebihan dengan adanya seorang Pengurus Projek.

- b) Sediakan laporan ringkas kepada Lembaga Pengarah tentang penyediaan suatu sistem pengurusan maklumat yang berkaitan dengan penghasilan rekabentuk untuk projek tersebut. Nyatakan isu-isu utama yang patut dipertimbangkan.

**( 25 MARKAH )**

2. a) Pihak Lembaga Pengarah mahukan anda sediakan dua (2) opsyen strategi pemerolehan (Procurement Strategies) untuk projek seperti tercatit didalam **SOALAN 1**. Sediakan suatu laporan komprehensif tentang falsafah kontrak yang harus dipertimbangkan oleh pihak Lembaga Pengarah tentang pilihan-pilihan yang terdapat. Nyatakan dengan jelas perbezaan dan kelebihan yang terdapat didalam kaedah pemerolehan seperti berikut:

- i) Kaedah ‘Design and Build’
- ii) Kaedah ‘Construction Management’

- b) Nyatakan dengan jelas strategi-strategi yang boleh diketengahkan sekiranya organisasi anda ingin membekal bahan-bahan binaan untuk projek tersebut.

( 25 MARKAH )

3. a) “Kebanyakan aspek komunikasi pengurusan projek berkait rapat dengan penyelesaian konflik; ini bermakna seorang Pengurus Projek itu harus memaksimakan kebolehan berkomunikasi”.

Bincangkan dengan tumpuan terhadap komunikasi projek yang berkesan.

- b) Sekiranya anda dapat pegawai bawahan organisasi anda berprestasi kurang memuaskan, nyatakan langkah-langkah yang harus diambil untuk memastikan keadaan ini tidak berlarutan; nyatakan sifat-sifat utama yang harus wujud di dalam seseorang Pengurus Projek untuk menangani isu ini.

- c) Secara ringkas, nyatakan tentang peranan, fungsi dan aktiviti seseorang Pengurus Projek untuk sebuah syarikat perunding pengurusan projek yang baru ditubuhkan.

(25 MARKAH)

4. a) Bincangkan bagaimana penggunaan teknik-teknik Pengurusan Nilai boleh menghapuskan kos-kos yang tidak berguna (unnecessary costs) dan nyatakan bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh meningkatkan keberkesanan ‘Bengkel Pengurusan Nilai’.

- b) “Insentif Pengurusan Nilai harus diperkenalkan kepada pihak kontraktor didalam kuasa-kuasa kontrak”.

Bincangkan dengan ringkas.

- c) “Seseorang Pengurus Projek akan lebih berkesan sekiranya beliau dapat menghayati aspek-aspek kos ditahap awalan sesuatu projek”.

Bincangkan dan kaitkan dengan Pengurusan Kos Strategik.

(25 MARKAH)

5. a) Anda telah dilantik sebagai seorang Pengurus Projek untuk suatu projek pangsapuri mewah yang bertempat di Bali, Indonesia. Lembaga Pengarah berkehendakkan anda sediakan suatu laporan yang komprehensif tentang aspek-aspek yang harus diambilkira untuk menilai kedayaupayaan projek tersebut daripada tahap insepsi hingga tahap pembinaan mula di tapak.

- b) Jelaskan bagaimana penglibatan anda sebagai seorang Pengurus Projek boleh membantu organisasi ini di dalam mengatasi masalah-masalah dan risiko-risiko sesuatu projek di luar negara.

(25 MARKAH)

6. a) "Seseorang Pengurus Projek semestinya ada kemahiran-kemahiran yang khusus dan tertentu untuk mengepalai sesuatu projek; adalah tidak cukup sekadar menguasai kemahiran-kemahiran tersebut – ianya mesti diterima dan difahami (perceived and understood) oleh mereka yang lain".

Bincangkan.

- b) Huraikan bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh membantu sesuatu projek itu dapat diterima dari segi persekitaran (environmentally acceptable).

**(25 MARKAH)**